



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 58  
Bil. 17

**18hb Ogos 2005**

*TAMBAHAN  
No. 1*

---

---

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL CONSTITUTION

**No. 941.**

PELANTIKAN ANGGOTA JEMAAH PENGAMPUNAN  
BAGI NEGERI PERAK

APPOINTMENT OF MEMBER OF PARDONS BOARD  
FOR THE STATE OF PERAK

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (5) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, Duli Yang Maha Mulia Sultan melantik Dato' Chan Kok Pew menjadi anggota Jemaah Pengampunan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tempoh tiga tahun mulai dari 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2008.

In exercise of the powers conferred by Clause (5) of Article 42 of the Federal Constitution, Duli Yang Maha Mulia Sultan appoints Dato' Chan Kok Pew to be a member of the Pardons Board for the State of Perak Darul Ridzuan for a period of three years with effect from 1 July 2005 until 30 June 2008.

[PSUK.Pk.(MAJ)(S)A355/89/1/1;  
P.U.Pk. 13/64]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
*Menteri Besar  
Perak Darul Ridzuan*

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

**No. 942.**

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN  
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)  
(MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN)(PINDAAN) 2005

ROAD TRANSPORT (PROVISION OF PARKING PLACE)  
(TELUK INTAN MUNICIPAL COUNCIL)  
(AMENDMENT) ORDER 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (*Akta 333*), Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan persetujuan Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Teluk Intan) (Pindaan) 2005.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Perenggan Baru 42A

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Hilir Perak) 1997 [*Pk.P.U. 43/1997*] yang dalam perintah ini disebut sebagai "Perintah ibu" adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 42 perenggan yang berikut:

"Notis pengalihan dan penahanan. 42A. Apabila sesuatu benda atau lain-lain atau kenderaan motor dialihkan mengikut perenggan 40 atau perenggan 41 Majlis hendaklah seberapa segera yang boleh memberi notis pengalihan tersebut kepada tuan pemunya, jika nama dan alamat tuan pemunya tersebut diketahui."

Perenggan Baru 43A

3. Perintah ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 43 dengan perenggan baru yang berikut:

"Kenderaan yang diletakkan dengan cara melanggar Perintah ini boleh ditahan daripada bergerak. 43A. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis atau mana-mana atendan letak kereta boleh:

(a) dengan menggunakan alat yang dianggap sesuai oleh Majlis boleh menahan daripada bergerak sesebuah kenderaan yang melanggari perintah ini;

(b) mengalih untuk ditahan kenderaan motor ini ke suatu tempat yang dianggap sesuai oleh Majlis.

(2) Tiada sesiapa, kecuali dibenarkan oleh Majlis untuk demikian, boleh membuka atau merosakkan alat yang tersebut di subperenggan (1)(a).

(3) Sesebuah kenderaan motor yang telah ditahan daripada bergerak atau dialih mengikut peruntukan-peruntukan yang dinyatakan terdahulu di perenggan ini, tidak akan dilepaskan kepada pemandu atau sesiapa yang menguasainya sehingga dijelaskan kepada Majlis bayaran sebanyak RM50.00 dan lain-lain bayaran yang telah ditanggung oleh Majlis bersabit dengan penahanan atau pengalihan kenderaan seperti tersebut.

(4) Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas apa-apa kerosakan kepada sesebuah kenderaan motor yang ditahan daripada bergerak atau dialih seperti tersebut (sama ada kerosakan itu berlaku semasa atau selepas kenderaan motor itu ditahan daripada bergerak atau dialihkan).".

#### Pindaan Jadual Pertama

4. Jadual Pertama Perintah ibu dipinda dengan memasukkan dalam ruang masing-masing selepas butiran 23 butiran yang berikut:

| Bil. | Tempat Letak Kereta                     | Caj Ditetapkan  | Jenis Tempat Letak Kereta   | Masa Kawalan |
|------|---|---|---|--------------|
| "24. | Kawasan Bandar Baru, Teluk Intan        | 60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya | Letak Kereta Bermeter<br><br>Letak Kereta Bayar dan Peraga<br><br>Letak Kereta Berkupon | NOTA A       |
|      |   | 42 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya | Letak Kereta Bertiket   |              |
| 25.  | Kawasan Bangunan SKOMK (Jalan Mahkamah) | 60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya | Letak Kereta Bermeter<br><br>Letak Kereta Bayar dan Peraga<br><br>Letak Kereta Berkupon | NOTA A.".    |
|      |   | 42 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya | Letak Kereta Bertiket   |              |

Dibuat 4 Ogos 2005

[MDHP/110/170/2249; Pk.P.U. 15/77(iv)]

MD. NOR BIN ZAINAL ARIFFIN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Teluk Intan*  
*Perak*

In exercise of the power conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 (*Act 333*), the Teluk Intan Municipal Council with the concurrence of the Minister makes the following order::

#### Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the Road Transport Provision (Parking Places) (Teluk Intan Municipal Council) (Amendment) Order 2005

(2) This order shall come into operation on a date it is published in the *Gazette*.

#### New paragraph 42A

2. The Road Transport (Provision of Parking Places) (Hilir Perak District Council) Order 1997 [*Pk.P.U. 43/1997*] which in this order is referred to as the "principle Order" is amended by inserting after paragraph 42 the following paragraph:

"Notification of removal and detention. 42A. When an object or matter or a motor vehicle is removed pursuant to the provision of paragraph 40 or paragraph 41, the Council shall as soon as may be practicable give notice of such removal to the owner thereof, if the name and address of such owner be known."

#### New paragraph 43A

3. The principal order is amended by inserting after paragraph 43 the following paragraph 43A:

"Motor vehicles parked in contravention of this order may be rendered immobile. 43A. (1) Any officer authorised by the Council or any parking attendant may:

- (a) by the use of such device as the Council thinks fit render immobile a motor vehicle parked in contravention of this order;
- (b) remove such vehicle to such place as the Council deems fit and there detained.

(2) No person shall unless authorized by the Council in that behalf remove or otherwise tamper with the device mentioned in subparagraph (1)(a).

(3) A motor vehicle rendered immobile or removed pursuant to the foregoing provisions of this paragraph shall not be released to the driver or other person in charge thereof until there has been paid to the Council a fee of RM50.00 and any costs incurred by the Council in rendering immobile or in removing the motor vehicle.

(4) The Council shall not be liable for any damage caused to a vehicle rendered immobile or removed as aforesaid (whether such damage occurs during or after the vehicle is so rendered immobile or removed).".

Amendment of First Schedule

4. The First Schedule of the principle order is amended by inserting in the respective columns after item 23, the following items:

| No.  | Parking Place                           | Prescribed Charge                    | Type of Parking Place         | Controlled Hours |
|------|---|--------------------------------------|-------------------------------|------------------|
| "24. | Kawasan Bandar Baru, Teluk Intan        | 60 cent per hour or any part thereof | Metered Parking Place         | NOTE A           |
|      |   |                                      | Pay and Display Parking Place |                  |
|      |   |                                      | Coupon Parking Place          |                  |
|      |   | 42 cent per hour or any part thereof | Ticket Parking Place          |                  |
| 25.  | Kawasan Bangunan SKOMK (Jalan Mahkamah) | 60 cent per hour or any part thereof | Metered Parking Place         | NOTE A."         |
|      |   |                                      | Pay and Display Parking Place |                  |
|      |   |                                      | Coupon Parking Place          |                  |
|      |   | 42 cent per hour or any part thereof | Ticket Parking Place          |                  |

Made 4 August 2005

[MDHP/110/170/2249; Pk.P.U. 15/77(iv)]

MD. NOR BIN ZAINAL ARIFFIN  
*President*  
*Teluk Intan Municipal Council*  
*Perak*

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
NATIONAL FORESTRY ACT 1984**No. 943.**PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH  
DARIPADA HUTAN SIMPAN KORBU  
PARTIAL EXCISION OF PART OF LAND  
FROM THE KORBU FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta*, maka kawasan yang diperihalkan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Korbu yang disiarkan melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 3184 bertarikh 9 Mei 1930 hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Kekal itu.

## JADUAL

Tanah seluas 430.1 hektar dalam Mukim Sungai Siput, Daerah Kuala Kangsar bergarisan tepi warna kelabu pada P.W. 1292 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 29 Julai 2005  
[PTG.Pk. 394/7-10(C); PTSS. 9/13/8;  
PU.Pk. 67/71-47]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Korbu Forest Reserve published *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 3184 dated 9 May 1930 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

## SCHEDULE

The land of 430.1 hectares in the Mukim of Sungai Siput, District of Kuala Kangsar outlined in grey on P.W. 1292 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 29 July 2005  
[PTG.Pk. 394/7-10(C); PTSS. 9/13/8;  
PU.Pk. 67/71-47]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960  
LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

**No. 944.**

PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK  
DECLARATION OF A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok bagi maksud Akta tersebut.

JADUAL

Tanah yang seluas kira-kira 837.9 hektar dalam Mukim Hulu Bernam Barat, Daerah Batang Padang bergarisan tepi warna kelabu pada P.W. 1633 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 4 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 4/A-F/029 Jld. 4(C);  
JU.Pk. 810/Jld. 7; PU.Pk. 67/71-38]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority hereby declares the area described in the Schedule to be a Group Settlement Area for the purposes of the said Act.

SCHEDULE

The land of approximately 837.9 hectares in Mukim of Hulu Bernam Barat, District of Batang Padang outlined in grey on P.W. 1633 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 4 August 2005  
[PTG.Pk. 4/A-F/029 Jld. 4(C);  
JU.Pk. 810/Jld. 7; PU.Pk. 67/71-38]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 945.**

PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR

DECLARATION OF RURAL SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual menjadi Kawasan Penempatan Luar Bandar untuk tanaman kelapa sawit bagi maksud Akta tersebut.

JADUAL

Tanah seluas kira-kira 837.9 hektar dalam Mukim Hulu Bernam Barat, Daerah Batang Padang bergarisan tepi warna kelabu pada P.W. 1633 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 4 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 4/A-F/029 Jld. 4(C);  
JU.Pk. 810/Jld. 7; PU.Pk. 67/71-38]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority hereby declares the area described in the Schedule to be a Rural Settlement Area for oil palm plantation for the purposes of the said Act.

SCHEDULE

The land of approximately 837.9 hectares in the Mukim of Hulu Bernam Barat, District of Batang Padang outlined in grey on P.W. 1633 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 4 August 2005  
[PTG.Pk. 4/A-F/029 Jld. 4(C);  
JU.Pk. 810/Jld. 7; PU.Pk. 67/71-38]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*



## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 946.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Sungai Siput, Daerah Kuala Kangsar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Kuala Mu dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

## JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Sungai Siput. No. Pelan—P.W. 1293. Luas—430.1 hektar.

Bertarikh 29 Julai 2005

[PTG.Pk. 394/7-10(C); PTSS. 9/13/8;

PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN

*Setiausaha**Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Siput, District of Kuala Kangsar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Kuala Mu and has designated that the Federal Lands Commission shall have control of the reserved land and the reserved land shall be maintained by the Department of Orang Asli Affairs, Ministry of Rural and Regional Development.

## SCHEDULE

District—Kuala Kangsar. Mukim—Sungai Siput. Plan No—P.W. 1293. Area—430.1 hectares.

Dated 29 July 2005  
[PTG.Pk. 394/7-10(C); PTSS. 9/13/8;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 947.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Canning, Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem Perkhidmatan Pembedungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Ulu Kinta. No. Pelan—C.P. 23209. No. Lot—41808. Luas—10,116.9 meter persegi.

Bertarikh 3 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 513/5-83(C); PTK(I) No. 1/36/99;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Canning, Mukim of Ulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for tapak Sistem Perkhidmatan Pembedungan and has designated that the Pesuruhjaya Tanah Persekutuan shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Ulu Kinta. Plan No—C.P. 23209. Lot No.—41808.  
Area—10,116.9 square metres.

Dated 3 August 2005  
[PTG.Pk. 513/5-83(C); PTK(I) No. 1/36/99;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 948.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Desa Jana, Mukim Kamunting, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Kamunting. No. Pelan—  
P.A. 83741. No. Lot—6780. Luas—1196 meter persegi.

Bertarikh 29 Julai 2005  
[PTG.Pk. 242/6-26(C); PTLM 370/21/91/05;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Desa Jana, Mukim of Kamunting, District of Larut, Matang dan Selama for a public purpose, to wit, a site a surau and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## SCHEDULE

District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Kamunting. Plan No—P.A. 83741.  
Lot No.—6780. Area—1196 square metres.

Dated 29 July 2005  
[PTG.Pk. 242/6-26(C); PTLM 370/21/91/05;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 949.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Rimba Raja, Mukim Lambor Kanan, Daerah Perak Tengah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sekolah Agama Rakyat dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## JADUAL

Daerah—Perak Tengah. Mukim—Lambor Kanan. No. Pelan—P.A. 89469. No. Lot—3433. Luas—434 meter persegi.

Bertarikh 4 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 243/3-1(C); PTSI. 01/09-04-104/98;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Rimba Raja, Mukim of Lambor Kanan, District of Perak Tengah described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Sekolah Agama Rakyat and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## SCHEDULE

District—Perak Tengah. Mukim—Lambor Kanan. Plan No—P.A. 89469. Lot No.—3433. Area—434 square metres.

Dated 4 August 2005  
[PTG.Pk. 243/3-1(C); PTSI. 01/09-04-104/98;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 950.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subsekysen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Tambun, Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem Perkhidmatan Pembedungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Ulu Kinta. No. Pelan—P.A. 53903. No. Lot—68284. Luas—1,622.3 meter persegi.

Bertarikh 3 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 513/5-89(C); PTK(I) No. 1/22/99;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Tambun, Mukim of Ulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Sistem Perkhidmatan Pembedungan and has designated that the Pesuruhjaya Tanah Persekutuan shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Ulu Kinta. Plan No—P.A. 53903. Lot No.—68284.  
Area—1,622.3 square metres.

Dated 3 August 2005  
[PTG.Pk. 513/5-89(C); PTK(I) No. 1/22/99;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 951.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Azmi bin Ayob, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam yang akan diadakan pada hari Khamis, 25 Ogos 2005, jam 10.00 pagi;
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM90,000.00 (Ringgit: Sembilan Puluh Ribu sahaja); dan
  - (c) luar Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:
- (a) RM12,382.74 RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM9,000.00 (Ringgit: Sembilan Ribu sahaja); dan
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 24 Disember 2005 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sayung. No. Lot—7796. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 610. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 624/2001 Kpd. RHB.

Bertarikh 31 Mei 2005  
[PDKK/T/LA/SOG/1/05]

AZMI BIN AYOB  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuala Kangsar*  
*Perak*

**No. 952.**

## PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 600 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 1 Ogos 2002, gantikan Mukim yang terdapat di baris tiga dengan "Asam Kumbang", di baris enam "dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak".

With reference to Notification No. 600 published in the state of Perak Government *Gazette* on 1 August 2002, substitute for Mukim in line three with "Asam Kumbang", in line six "controlled by the State Secretary of Perak and maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak".

Bertarikh 29 Julai 2005  
[PTG.Pk. 242/1-49(C); PU.Pk. 67/71-54 Jld. 3]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

Hakcipta Pencetak<sup>®</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA